

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : BANTUAN SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan terhadap sekolah-sekolah bantuan Kerajaan seperti sekolah bukan bantuan Kerajaan sebelum ini? Sila nyatakan mengapa.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengagihkan bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Bermula pada tahun 2017 bantuan ini telah diperluaskan kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Mubarigh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MMKN TELAH MELULUSKAN PEMBERIAN HAKMILIK KEPADA  
PALATEHAN ARSYAD MOHD ARYSAD DI PT 20829 MELALUI  
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BERTARIKH 30 NOVEMBER 2016  
DENGAN RUJUKAN BIL (15)PTG NO 2/1/145/2014**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Borang 5A yang dikeluarkan mencatatkan lot yang berbeza dari yang diluluskan?
- b) Mengapakah hakmilik yang dikeluarkan berbeza dengan apa yang diluluskan oleh MMKN?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Pemohonan ini adalah bertujuan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang telah lama menduduki tanah kerajaan di atas rizab Lebuh Raya Utara / Selatan ke kawasan yang lebih selamat dan teratur. Perkara mengenai penempatan setinggan ini telah pun disuarakan oleh pemohon-pemohon dan mendapat perhatian oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Paya Jaras oleh kerana pernah berlaku kemalangan di kawasan setinggan-setinggan berkenaan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 23/2015 yang diadakan pada 22 Julai 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 24/2015 pada 29 Julai 2015 telah meluluskan pemberimilikan tanah kerajaan kepada 15 orang pemohon.

Pada 14 September 2015, Pejabat Wakil DUN Paya Jaras telah mengemukakan surat pertukaran lot bagi pemohon-pemohon yang menerima kelulusan. Ini disebabkan tanah di PT 20828 dan PT 20829 adalah tidak sesuai untuk dibina rumah kerana kedudukan tapak yang berbentuk segitiga. Hasil siasatan dan semakan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, pemohon boleh diperakuan untuk pertukaran plot. PT 20828 dan PT 20829 perlu dicantum supaya lot boleh diduduki dan disyorkan semula kepada Mustapa bin Baharum.

Manakala, Haji Palatehan Arsyad bin Mohd Arsyad pula disyorkan PT 20767 yang masih tanah kerajaan. Kertas ringkasan permohonan pindaan plot ke atas kelulusan terdahulu telah dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 14 Oktober 2016.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2016 yang diadakan pada 30 November 2016, telah meluluskan pindaan terhadap plot yang tersebut. Borang 5A telah dikeluarkan pada 11 Januari 2017 dengan mencatat lot tanah yang sama seperti diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2016 yang diadakan pada 30 November 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Kerajaan Negeri Selangor ke 40/2016 pada 7 Disember 2016. Pemohon Haji Palatehan Arsyad bin Mohd Arsyad telah membayar premium sebanyak RM14,466.90 pada 12 April 2017. Geran hakmilik sementara telah didaftarkan pada 06 Disember 2017 dan nombor hakmilik HS (D) 87906 PT 1120, Pekan Sungai Buloh Daerah Gombak telah dikeluarkan.

Nombor PT 20767 Mukim Batu merupakan nombor pengenalan petak sebelum dikeluarkan hakmilik sementara yang kini dikenali sebagai PT1120 Pekan Sungai Buloh. Oleh yang demikian, hakmilik yang dikeluarkan adalah merupakan petak yang sama seperti yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : RUMAH PPR SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah unit yang kosong di Perumahan tersebut?
- b) Apakah usaha yang telah dilakukan agar rumah-rumah dapat penuhi oleh pemohon-pemohon?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga Ogos 2018, jumlah unit kosong adalah sebanyak 5 unit dan ianya adalah dalam proses pembaikan bagi tujuan kemasukan penyewa baru.
- b) Kekosongan unit sebanyak 5 unit ini adalah kerana terdapat penyewa yang telah menamatkan penyewaan dan mengosongkan unit. Sehubungan itu, PHSSB sedang menjalankan kerja pembaikan unit-unit tersebut bagi tujuan kemasukan penyewa baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH DI KAMPUNG TELOK GONG MUKIM  
PULAU INDAH DAERAH KLANG**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menambah bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutamanya di Kampung Telok Gong dimana Kerajaan Negeri menyediakan tanah dan Kerajaan Persekutuan membina bangunan sekolah?

**JAWAPAN:**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

- a) Kerajaan Negeri secara khususnya tidak mempunyai bidang kuasa dalam pembinaan sekolah-sekolah di Negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan memberi kerjasama sekiranya aktiviti pembinaan sekolah ini melibatkan isu tanah dan pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada keperluan pendidikan di bandar, luar bandar dan kawasan berpopulasi tinggi. Bagi tujuan memenuhi keperluan penduduk setempat, khususnya dalam konteks meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, KPM merancang pembinaan sekolah baharu dan bangunan tambahan di sekolah-sekolah sedia ada secara berterusan dan berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun pelaksanaan perancangan pembangunan ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

Pembinaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan keperluan komuniti setempat termasuklah bagi kawasan Kampung Telok Gong. Buat masa ini KPM belum ada cadangan membina sekolah baharu di Kampung Telok Gong. KPM lebih menumpukan kepada usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur dan menaik taraf sekolah yang sedia ada supaya dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan sempurna.

## **JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR**

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada keperluan pendidikan di bandar, luar bandar dan kawasan berpopulasi tinggi. Bagi tujuan memenuhi keperluan penduduk setempat, khususnya dalam konteks meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, KPM merancang pembinaan sekolah baharu dan bangunan tambahan di sekolah-sekolah sedia ada secara berterusan dan berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun pelaksanaan perancangan pembangunan ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

Pembinaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan keperluan komuniti setempat termasuklah bagi kawasan Kampung Telok Gong. Buat masa ini KPM belum ada cadangan membina sekolah baharu di Kampung Telok Gong. KPM lebih menumpukan kepada usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur dan menaik taraf sekolah yang sedia ada supaya dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan sempurna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : ISU RUMAH PANJANG PJS 1**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status terkini pembeli Rumah Kos Rendah Blok E, PJS 1, Petaling Jaya?
- Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap penghuni yang masih menetap di rumah panjang tersebut?

**JAWAPAN:**

- Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 9/2018 yang bersidang pada 21hb Mac 2018 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 10/2018 pada 28hb Mac 2018 telah menimbang dan meluluskan syor-syor berikut bagi penyelesaian Projek Pembangunan Rumah Kos Rendah (Blok E) di Tapak Blok F, di Lot 37199, Jalan PJS 1/52, Petaling Utama, PJS 1, Petaling Jaya oleh Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd iaitu :-
  - Meluluskan secara dasar pemberimilikan tanah kerajaan Lot 32458 dan sebahagian Lot 3209 dengan bayaran premium pada kadar nominal dan Lot 32478 dengan bayaran premium mengikut kaedah Tanah Selangor (KTS) kepada Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd. Masing-masing bagi pembinaan Rumah Selangorku Jenis A dan kemudahan Tempat Letak Kereta bagi Rumah Selangorku Jenis D;
  - Bersetuju dengan cadangan balas pemaju untuk meminda pembinaan Rumah Selangorku Jenis D kepada Rumah Harga Bebas berharga RM300,000.00 agar pemaju dapat menampung penyelesaian untuk peneroka dan pembinaan 249 unit Rumah Selangorku Jenis A ;
  - Bersetuju Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd. menanggung segala kos pembiayaan bank yang telah dibiayai oleh 249 orang pembeli asal Blok E serta segala kos guaman yang terlibat serta mengambil kira bayaran deposit terdahulu;

- iv. Bersetuju Tetuan Peter's Brickworks Sdn. Bhd. menawarkan Rumah Selangorku Jenis A kepada 249 orang pembeli asal dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL). Sekiranya mana-mana pembeli tidak mahu menerima tawaran tersebut, maka penamatkan secara "*unilateral termination*" akan dibuat dan seterusnya baki-baki unit berkenaan akan dibuat tawaran terbuka melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Hartanah (SPPH) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS);
- v. Merobohkan rumah panjang yang dibina di atas tapak sekolah setelah Rumah Selangorku Jenis A siap dibina. Penghuni perlu berpindah keluar sama ada mereka menerima atau menolak tawaran rumah panjang yang dibina oleh Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd; dan
- vi. Bersetuju supaya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membenarkan dua (2) tapak perniagaan milik pemaju diproses untuk kelulusan pelan-pelan pembangunan.

Pada masa ini, pihak Tetuan Peter Brickworks Sdn Bhd sedang dalam peringkat penyediaan pelan-pelan terperinci berkaitan rekabentuk dan permohonan tanah yang terlibat dan menjangkakan akan mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada akhir bulan ogos 2018.

- b) Sehingga hari ini Kawasan Rumah Panjang tersebut diselenggara oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dari aspek kebersihan kawasan seperti pemotongan rumput, kutipan sampah, penyelenggaraan sistem saliran sediada dan kawalan banjir di tapak dengan penyediaan rumah pam di tapak dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN PERINDUSTRIAN TERHADAP ALAM SEKITAR RAWANG**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang telah kerajaan ambil untuk memastikan pencemaran perindustrian tidak menjaskan suasana kehidupan di kawasan kediaman Rawang?
- b) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu pencemaran perindustrian?
- c) Apakah rancangan yang akan dilaksanakan supaya pencemaran perindustrian akan berkurangan?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah melaksanakan program penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan terhadap premis-premis yang mencemar di daerah Rawang. Berdasarkan rekod terdapat sebanyak 320 premis yang berpotensi menyebabkan pencemaran di daerah Rawang dan premis-premis ini telah dilawat oleh pegawai-pegawai penguatkuasa daripada JAS sepetimana program penguatkuasaan yang telah dirancang.

Bagi premis-premis yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekelling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Jabatan Alam Sekitar akan mengeluarkan Notis Arahan supaya ianya mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi atau mengawal pencemaran yang berlaku. Selain daripada itu, pihak premis akan dikenakan tindakan kompaun dan tindakan mahkamah sebagai denda atas kesalahan yang dilakukan.

Bagi premis industri di kawasan Rawang, pada tahun 2016 sehingga 15 Ogos 2018 Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 24 industri yang telah menyebabkan pencemaran dengan mengeluarkan sebanyak 24 Notis Arahan, 35 tawaran kompaun dan 4 Kertas Siasatan untuk mengambil tindakan mahkamah manakala 6 kes pula telah diambil tindakan penahanan operasi di bawah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- b) Bagi industri yang tidak patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan industri tersebut mematuhi kehendak undang-undang tersebut. Manakala bagi industri yang tidak tertakluk dengan perundangan JAS, JAS akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang mengeluarkan lesen operasi kilang, Pejabat Tanah Dan Deaerah mengenai pematuhan syarat nyata tanah, Lembaga Urus Air Selangor mengenai pencemaran sumber air dan lain-lain Jabatan yang berkaitan bagi mengatasi isu pencemaran yang berlaku.
- c) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor akan terus melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan semua industri yang terdapat di Negeri Selangor supaya mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Selain itu semua industri dikehendaki memasang alat kawalan pencemaran udara seperti *scrubber*, *bag filter* dan *cyclone* bagi mengawal pelepasan ke udara serta membina sistem rawatan effluent bagi merawat effluent sebelum dilepaskan ke sungai atau alur air. Pihak industri juga perlu menyediakan Orang Yang Berwibawa (Competent Person) bagi mengawal selia alat kawalan pencemaran di premis masing-masing supaya sentiasa berfungsi dengan sempurna dan berkesan. Seiring dengan zaman teknologi, pihak industri juga digalakkan untuk menggunakan kaedah ‘Green Technology’ dan ‘Cleaner Production’ dari segi penggunaan bahan mentah yang mesra alam dan tidak toksik, penghasilan produk dan kitar semula bahan buangan bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PILI BOMBA TIDAK BERFUNGSI**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak pili bomba didapati tidak berfungsi di kawasan Pandamaran. Ini telah mengakibatkan kerisauan penduduk rumah papan. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Selangor untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membaikpulih pili bomba?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pili bomba dibawah jagaan Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang mengikut rekod keseluruhannya adalah sebanyak 3175 buah pili bomba dan pemeriksaan pili bomba dilaksanakan setahun 2 kali. Manakala di kawasan Pandamaran mengikut rekod adalah sebanyak 353 buah pili bomba.

Terdapat 2 faktor masalah yang ada semasa permeriksaan pili bomba dilaksanakan dan menyebabkan pili bomba tidak boleh berfungsi seperti berikut :

- i). Vandalisme;
- ii). Kesedaran orang awam terhadap pili bomba;
- iii). Kerosakan dan kehilangan peralatan seperti:-
  - Kehilangan peralatan seperti *outlet*, *blank cap*, *spindle valve* dan penutup *chamber*
  - Pili bomba dilanggar kenderaan dan lori
  - Dijadikan tempat parkir kenderaan dan lori
  - Dijadikan tempat buangan sampah.

Sekiranya terdapat masalah pili bomba semasa membuat pemeriksaan, tindakan akan diambil dengan menghantar laporan untuk penyelenggaran dan baikpulih pili bomba ke Bahagian Operasi, Ibupejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Bagi laporan kerosakan pili bomba kawasan Pandamaran seperti berikut:

- i). Jalan Binjai Pandamaran
- ii). Jalan Lai Pandamaran
- iii). Jalan Letchumanan Pandamaran

Pada tahun 2017, Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang bersama dengan JKKK Pandamaran telah mengadakan Program Teman Pili Bomba bagi memberi kesedaran kepada orang awam tentang pentingnya fungsi pili bomba bila belaku kebakaran.

*(Jawapan diperolehi daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pelabuhan Klang)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : JETI NELAYAN DAN PROGRAM BANTUAN NELAYAN**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jeti nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar di Daerah Kuala Selangor? Sila nyatakan mengikut pecahan DUN.
- b) Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan untuk para nelayan ?

**JAWAPAN:**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

- a) Berdasarkan inventori yang dijalankan oleh Lembaga pada tahun 2016, berikut merupakan bilangan jeti nelayan di Daerah Kuala Selangor mengikut pecahan DUN;

Bil	Kawasan	Jumlah pada tahun 2016	Kawsan DUN
1.	Bagan Tengkorak	11 jeti	Permatang
2.	Bagan Sungai Kajang	14 jeti	
3.	Bagan Pasir	25 jeti	
4.	Pengkalan Nelayan Sg Tengi	1 jeti	Melawati
5.	Bagan Pasir Penambang	15 jeti	
6.	Bagan Sungai Yu	23 jeti	Melawati
7.	Jeti Nelayan Tok 4 Majid	Tiada maklumat	
8.	Jeti Nelayan Asam Jawa	1 jeti	Melawati
9.	Jeti Nelayan Tg Keramat	9 jeti	

Bil	Kawasan	Jumlah pada tahun 2016	Kawsan DUN
10.	Jeti Nelayan Kg Sepakat	1 jeti	
11.	Bagan Sg. Buloh	27 jeti	
12.	Pangkalan Nelayan Jeram	3 jeti	
13.	Pangkalan Nelayan Sg Sembilang	2 jeti	Jeram
14.	Bagan Sg Janggut	19 jeti	
	<b>Jumlah</b>	<b>151</b>	

Semua jeti yang dinyatakan masih belum berdaftar dengan Lembaga.

#### **PEJABAT PERIKANAN NEGERI SELANGOR**

- b) Antara bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada para nelayan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

<b>BANTUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018</b>		
<b>BIL</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>KUANTITI</b>
1.	Jaring Udang Tiga Lapis – 1 ½ Inci	1,200 Unit
2.	Jaring Ikan Senangin – 2 ¾ Inci	630 Unit
3.	Jaring Ikan Senangin – 4 Inci	1,520 Unit
4.	Jaring Ikan Bawal	76 Unit
<b>JUMLAH</b>		<b>3,426 Unit</b>

<b>BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2018</b>		
<b>BIL</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>KUANTITI</b>
1.	Tong Insulasi 100 Liter – untuk nelayan zon A	395 Unit
2.	Tong Insulasi 35 Liter – untuk nelayan darat yang aktif sahaja	93 Unit

Selain peruntukan dari segi peralatan kepada para nelayan, golongan nelayan darat juga menerima bantuan sara hidup khas untuk nelayan darat yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia dan aktif sahaja yang akan diberikan oleh pihak kerajaan persekutuan iaitu RM200.00/setiap bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PEMERKASAAN SEKOLAH TAHFIZ DI SELANGOR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Sekolah dan Pelajar Tahfiz yang berdaftar dan tidak didaftar di dalam Negeri Selangor.
- b) Adakah terdapat perancangan bagi pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan daripada Sijangkang berhubung Pendaftaran Pusat Tahfiz di Selangor.

Sekolah tahfiz yang berdaftar di Negeri Selangor adalah sebanyak 310 buah. 4 daripadanya merupakan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) dengan jumlah pelajar seramai 996 orang. Manakala 306 buah lagi adalah maahad tahfiz persendirian dengan jumlah pelajar seramai 17,616 orang.

Setakat ini, Kerajaan Negeri memantau 54 buah sekolah yang belum berdaftar dengan jumlah murid seramai 889 orang. Namun demikian, Kerajaan Negeri sedar masih terdapat maahad tahfiz persendirian yang beroperasi tanpa kebenaran dan tidak berdaftar.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga peka dengan masa depan pelajar-pelajar tahfiz dengan membantu menyediakan peluang menduduki SPM yang pada masa ini giat dilaksanakan oleh KUIS dan UNISEL.

- b) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dalam memperkasakan pusat tahfiz. Antara perancangannya adalah seperti berikut:
  - i. **Aspek Kurikulum Pendidikan Islam.**

Memastikan kurikulum yang dilaksanakan di Maahad-maahad Tahfiz Persendirian adalah selaras dengan kurikulum-kurikulum yang diperaku oleh MAIS dan JAIS seperti:

1. Kurikulum Tahfiz MITS kelolaan Kerajaan Negeri Selangor (JAIS)
2. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
3. Kurikulum-kurikulum yang dicadangkan di dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang sedang dibangunkan oleh Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

ii. **Aspek Kesihatan dan Keselamatan Premis**

Memastikan premis operasi maahad-maahad Tahfiz persendirian adalah menepati syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh agensi berwajib dengan mengemaskini Garis Panduan Am Pengurusan (Penubuhan dan Pendaftaran) Sekolah Agama Islam Negeri Selangor.

iii. **Kursus dan Latihan**

Menganjurkan kursus dan latihan kepada guru-guru Maahad Tahfiz Persendirian meliputi aspek pengajaran dan pembelajaran (PDPC), pengurusan, pentadbiran, dan kursus perakuan mengajar guru (permit mengajar).

- c) Sejumlah RM19.5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah tahfiz di Negeri Selangor dalam Belanjawan 2018 seperti perincian berikut:

<b>Maahad</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
Tahfiz Kerajaan Negeri (Maahad Integrasi Tahfiz Selangor): i. Pembinaan: – MITS Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat – MITS Kg Pandan, Hulu Langat – MITS Bagan Lalang, Sepang – MITS Bagan Terap, Sabak Bernam	5 juta 5 juta 5 juta 1.5 juta
Tahfiz persendirian: i. Baik pulih ii. Pembinaan	1 juta 2 juta

<b>Jumlah</b>	<b>19.5 juta</b>
---------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : CAJ PEMAJUAN**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah syarikat-syarikat konsesi lebuhraya perlu membayar caj pemajuan kepada PBT dalam permohonan Kebenaran Merancang mereka untuk membina lebuhraya dan struktur-struktur bangunan yang lain bersebelahan lebuhraya?

**JAWAPAN:**

- a) Caj pemajuan di dalam permohonan Kebenaran Merancang (KM) dikenakan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) sekiranya terdapat rancangan tempatan yang akan mengakibatkan perubahan dan kenaikan nilai tanah yang melibatkan perkara berikut:
- Kegunaan tanah (zon gunatanah);
  - Pertambahan densiti; dan
  - Pertambahan ruang lantai.

Pembangunan Lebuhraya direzabkan sebagai infrastruktur dan utiliti dan dibangunkan khas untuk tujuan tersebut yang tidak melibatkan kenaikan nilai atau ada kawasan yang melibatkan penurunan nilai tanah. Sekiranya pembangunan sekitar lebuhraya tersebut melibatkan perubahan dalam tiga (3) kategori seperti di atas, PBT boleh mengenakan caj pemajuan.

Walau bagaimanapun, caj pemajuan boleh dikecualikan berdasarkan Pengecualian Caj Pemajuan Pembangunan di bawah Jadual Ketiga, Kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010 sekiranya projek pembangunan tersebut adalah melibatkan:

1. Pembangunan yang dijalankan untuk badan-badan kebajikan oleh agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar;
2. Badan kebajikan dan lain-lain pertubuhan yang diiktiraf oleh kerajaan;
3. Bangunan kerajaan;
4. Bangunan gerai dan warung makan awam;
5. Projek keagamaan awam; dan
6. Lain-lain yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : RUMAH TERBIAR**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan rumah atau tanah kediaman yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2015, 2016, dan 2017?
- b) Apakah pecahan antara tanah yang dirampas kerana tidak membayar cukai tanah dan kerana ia dalam keadaan terbiar dan untuk alasan lain?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Untuk makluman Yang Berhormat, rekod khusus yang didapati melalui aplikasi Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah bagi hakmilik berstatus kediaman yang telah dikeluarkan Notis 8A (Notis Perkembalian Tanah kepada Kerajaan) atas sebab tidak menjelaskan cukai tanah (Seksyen 97 KTN) dan langgar syarat (Seksyen 125 KTN) adalah seperti berikut:

**JUMLAH HAKMILIK DAN KELUASAN TANAH KEDIAMAN YANG DIRAMPAS OLEH  
KERAJAAN NEGERI MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2015-2017**

BIL	DAERAH	JUMLAH HAKMILIK (LOT)			KELUASAN (EKAR)
		2015	2016	2017	
1	SEPANG	1	-	-	0.55
2	SABAK BERNAM	-	-	-	0
3	KLANG	5	6	-	38.06
4	KUALA SELANGOR	1	8	18	0.66
5	KUALA LANGAT	1	-	9	0.30
6	HULU SELANGOR	1	2	1	1.81
7	GOMBAK	8	1	7	9.18

BIL	DAERAH	JUMLAH HAKMILIK (LOT)			KELUASAN (EKAR)
		2015	2016	2017	
8	HULU LANGAT	-	-	12	1.65
9	PETALING	-	24	3	4.28
<b>JUMLAH RAMPASAN (LOT)</b>		<b>17</b>	<b>41</b>	<b>50</b>	<b>56.49</b>

\*Sumber: Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) sehingga 23 Ogos 2018

Kerajaan Negeri tidak akan sewenang-wenangnya merampas tanah terbiar atau yang terdapat rumah usang di atas tanah tersebut selagi mana ianya tidak melanggar atau melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri turut membantu Tabung Amanah Orang Asli? Jika ya, nyatakan jumlah bantuan kewangan yang telah diberikan serta butir-butirnya.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk hal ehwal Orang Asli mengikut daerah sejak tahun 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri turut membantu menyediakan Tabung Amanah Orang Asli yang di uruskan oleh Seksyen Makro dibawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Sumber Peruntukan wang amanah tersebut adalah daripada sumbangan anak syarikat kerajaan Negeri Selangor dan sumbangan individu. Tabung Amanah tersebut bertujuan bagi pengurusan seperti pembayaran elauan Badan Bertindak Orang Asli Selangor (BBTOAS) dan pembangunan seperti kos pengurusan pengukuran persempadanan bagi tujuan pewartaan kampung Orang Asli Negeri Selangor. Selain itu Tabung Amanah juga digunakan bagi bantuan kebijakan dan program pembangunan minda Orang Asli .
- b) Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2017 adalah sebanyak RM64,580.94 yang merangkumi bantuan Program Sukan Belia Gombak sebanyak RM6,100.00. Diikuti, Program Menyertai Kesenian Murid Orang Asli Gombak Sempena XXV International Youth and Children's Festival Folk Harbous di Gorzow, Poland berjumlah RM23,200.00. Selain itu, bantuan Program Motivasi pendidikan kepada Ibu Bapa berjumlah RM30,300.00 dan sumbangan komputer riba bagi kakitangan pemetaan dan penyelidikan BBTOAS berjumlah RM4,980.94.

Walau bagaimanapun Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor (JAKOA) tidak terlibat sepenuhnya dalam pengurusan Tabung Amanah Orang Asli memandang ini adalah peruntukan Kerajaan Negeri.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### **PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN SEJAK TAHUN 2017**

BIL	TAJUK	JUMLAH (RM)
1	Satu (1) unit Komputer Riba (Laptop) untuk kegunaan kakitangan pemetaan dan penyelidikan BBTOAS (JKAA Bil 1 Tahun 2017)	4,980.94
2	Program Motivasi Pendidikan Kepada Ibu Bapa dan Pelajar Orang Asli Nov-Dis 2017 (JKAA Bil 2 Tahun 2017)	30,300.00
3	Penyaluran Peruntukan Bagi Pelajar Orang Asli Sekolah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak Untuk Menyertai program Kesenian Murid Luar Negara Sempena XXV International Youth And Children's Festival Folk Harbour di Gorzow, Poland ( Minit Resolusi bertarikh 27 April 2018)	23,200.00
4	Program Pesta Sukan Belia Orang Asli	6,100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>64,580.94</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU TEKANAN BEKALAN AIR RENDAH DI KAMPUNG TASEK PERMAI AMPANG**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hanya satu tangki air yang dapat dikesan oleh pihak kami dan ia tidak mampu menyumbang kepada kegunaan harian kepada penduduk dalam kampung tersebut.
- b) Berapakah reservoir sedang memberi bekalan air kepada seluruh kampung Tasek Permai Ampang?
- c) Apakah perancangan Kerajaan untuk penyelesaian?

**JAWAPAN:**

- a) Tangki air yang dimaksudkan adalah Tangki Menara Kampung Cheras Baru. Kapasiti tangki tersebut adalah sebanyak 0.6 juta liter dan ia membekalkan air kepada penduduk di Kampung Cheras Baru yang dianggarkan berjumlah 1,523 akaun.

Berdasarkan kadar penggunaan air harian oleh penduduk Kg Cheras Baru adalah sebanyak 1.8 juta liter dan berdasarkan kapasiti tangki sediada, bekalan kepada penduduk boleh bertahan selama 8 jam sekiranya berlaku gangguan. Walau bagaimanapun terdapat bekalan alternatif iaitu dari Kolam Perkuat Kuari yang mempunyai kapasiti 9 juta liter.

- b) Kg. Tasek Permai mendapat sumber bekalan air daripada Tangki Menara Kg Tasek Permai 1 & 2 dengan kapasiti 0.682 juta liter (jumlah kapasiti 2 tangki menara) dan daripada Tangki Menara Kg Ampang Campuran sebanyak 1.168 juta liter.
- c) Pihak Air Selangor telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan/baik pulih Kolam Menara Tasek Permai 1 & 2 serta Rumah Pam Tasek Permai. Kerja-kerja tersebut telah siap sepenuhnya dan kolam menara & rumah pam telah dioperasikan.

Butiran penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah melibatkan kerja-kerja penggantian set pam daripada ‘Variable Speed Drive’ kepada ‘Fixed Head Pump’.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak hutang Kerajaan Selangor terhadap Persekutuan sekarang?
- b) Berapakah kadar faedah yang perlu dibayar oleh Kerajaan terhadap hutang-hutang ini?
- c) Apakah rancangan Kerajaan untuk melangsakan hutang ini dalam masa terdekat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **31 Ogos 2018** adalah berjumlah **RM1,113.32 juta**. Sejumlah 96.85% daripadanya merupakan pinjaman bagi Projek Bekalan Air.

Selain daripada Projek Bekalan Air, pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Amanah Saham Selangor iaitu 1.02%; dan
  - (ii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor iaitu 2.13%.
- b) Kadar caj pembiayaan adalah pada kadar 4% setahun. Walau bagaimanapun, pinjaman bagi Projek Bekalan Air tidak dikenakan sebarang caj pembiayaan.
  - c) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan tahunan juga akan disediakan secukupnya dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.

Bagi tahun 2018, bayaran balik pinjaman telah pun dilunaskan kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan jumlah sebanyak RM11,951,181.79 seperti perincian berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM5,314,099.60;
- (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan

- (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN**  
**(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang bagi meningkatkan pelaburan-pelaburan hijau dan ekonomi hijau? Apakah langkah-langkah yang telah diambil?
- b) Apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilakukan dalam menjadikan Selangor negeri contoh yang mempelopori dan mengamalkan bidang teknologi hijau di Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 - 2018 telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015.

Di dalam pelan tindakan ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan lima (5) sektor utama untuk diberikan tumpuan iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa dan air. Antara objektif pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor adalah seperti berikut; -

- i. Meningkatkan pelaburan hijau dan ekonomi hijau Negeri Selangor;
- ii. Menerapkan budaya hijau bagi menambah baik kualiti dan gaya hidup rakyat;
- iii. Mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kualiti alam sekitar;
- iv. Meningkatkan imej dan menjadikan Kerajaan Negeri Selangor sebagai negeri contoh yang mempelopori dan mengamalkan bidang teknologi hijau di Malaysia;

Dalam meningkatkan pelaburan-pelaburan hijau dan ekonomi hijau, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada lima (5) sektor utama iaitu Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics), Peralatan Pengangkutan (Transport Equipment), Sains Hayat (Life Sciences), Makanan dan Minuman (Food & Beverages Industries) dan Mesin dan Peralatan (Machinery & Equipment).

Seterusnya terdapat 8 tindakan utama di dalam Pelan Tindakan ini iaitu:-

- i. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
  - ii. Perolehan Hijau Kerajaan;
  - iii. Pemasangan Rangkaian Pengelas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
  - iv. Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
  - v. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program ‘Bas Percuma’ Di PBT;
  - vi. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
  - vii. Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
  - viii. Program Penghijauan Taman Industri.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, kesemua tindakan di dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 - 2018 sedang giat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan agensi berkaitan. Berikut adalah merupakan inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor: -
1. Kerajaan Negeri melalui PBT telah menyediakan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon di peringkat PBT masing-masing
  2. Menetapkan sasaran penurunan 30% karbon (CO<sub>2</sub>) menjelang 2030
  3. Menaiktaraf produk berteknologi hijau seperti Solar, Sistem Penuaian Air Hujan dan Lampu LED
  4. Melaksanakan kempen dan program seperti *Car Free Day* secara berterusan
  5. Memasang 109 unit Pengelas Kenderaan Elektrik (ChargEv) di 88 lokasi di Negeri Selangor
  6. Menawarkan Skim Rebat Cukai kepada pelaksanaan agenda LCCF
  7. Meletakkan elemen *Low Carbon City Framework* (LCCF) di dalam Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landkap sebagai syarat dalam permohonan
  8. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku Pangsapuri Puchong Utama
  9. Bekerjasama dengan Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia dalam melaksanakan audit tenaga di 9 Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor.

Tambahan daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor turut melaksanakan Geran Kecil Teknologi Hijau Tahun 2018 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai penggunaan teknologi hijau di dalam kehidupan seharian rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PASIR**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah luas kawasan yang terlibat dalam aktiviti perlombongan pasir di DUN Permatang?
- Berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari kawasan DUN Permatang sendiri?

**JAWAPAN:**

- Luas kawasan yang terlibat dalam aktiviti perlombongan pasir di DUN Permatang adalah seperti berikut:-

Keluasan (ekar)	
Pasir Lombong	Pasir Sungai
2300.198 ekar	40.5 ekar

- Jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari kawasan DUN Permatang sendiri adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	JUMLAH ROYALTI (RM)
1.	2017	RM13,025,497.65
2.	2018 (sehingga 23hb. Ogos 2018)	RM12,031,788.81

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS KEMAJUAN PROJEK PEMBENTUNGAN LANGAT**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kemajuan kerja Projek Pembentungan Langat dan senaraikan insiden kacau ganggu terhadap infrastruktur asas, keselamatan dan kesesakan akibat projek ini di DUN Hulu Kelang?

**JAWAPAN:**

- a) Status kemajuan kerja dan senarai insiden kacau ganggu terhadap infrastruktur asas, keselamatan dan kesesakan akibat projek pembentungan jpp di DUN Hulu Kelang bagi tahun 2018

BIL	PERKARA	JUMLAH	CATATAN
1.	Aduan	22 Aduan	-
2.	Kompaun	9 Kompaun (RM112,500.00)	Puncak Niaga Construction Sdn Bhd
3.	Denda	2 Denda (RM3,000.00)	Puncak Niaga Construction Sdn Bhd

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
1.	106632	<p><b>KACAUGANGGU KERJA LEBIH MASA</b></p> <p>Pengadu membuat aduan mengenai kerja lebih masa construction di Keramat AU 3/1 berhadapan dengan pasar malam (construction membuat jalan). Mohon pemantauan drp pihak Jabatan.</p>	16.01.2018	18.01.2018	SELESAI	<p>Pengadu gagal dihubungi. Kerja-kerja pembinaan shaft di Jln AU31 dan persimpangan Jln AU 3/8.</p> <p>Kerja-kerja terpaksa dilaksanakan bagi mengelakkan kesesakan trafik kerana jalan sempit walaupun pelebaran jalan telah dibuat. Pengurus Zon PNCSB En. Khairil 017-6475974</p>
2	EMAIL KEMENSAH RESIDENT	<p><b>LAMPU JALAN DI JALAN J8 TIDAK MENYALA AKIBAT KEROSAKAN KABEL.</b></p> <p><b>JALAN ROSAK DI JALAN J7, KEMENSAH</b></p>	15.01.2018	18.01.2018	SELESAI	<p>Kerja pembaikan kerosakan kabel lampu jalan di Jalan J8 telah dilaksanakan oleh kontraktor PNCSB.</p> <p>Semakan pada 18.01.2018 mendapati tiada kerosakan jalan di Jalan J7 dan tiada jajaran korekan PNCSB di Jalan J7.</p>

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
3	107798	<p><b>JALAN BERLUBANG DI JALAN AU3/1 - SUSULAN</b></p> <p>Saya difahamkan aduan saya (107617) telah dikemaskini "selesai." Namun saya baru melalui jalan AU3/1 pagi tadi &amp; mendapati jalan masih teruk. Mungkin kerja2 turapan yang dimaksudkan tidak menepati piawaian &amp; kualiti kerja yang teruk. Diharap MPAJ boleh ambil tindakan. Terima kasih.</p> <p>Nombor Aduan: 107617 Jalan berlubang di Jalan AU3/1 Jalan berlubang di Jalan AU3/1 ke arah jelatek, berhadapan KP Legend workshop. Pagi semalam, keadaan ini hampir menyebabkan kemalangan apabila motor mengelak di saat akhir hampir dilanggar kereta. Harap dibaiki segera. Sepanjang Jalan AU3/1 berhadapan bengkel2 juga mengalami banyak kerosakan sesudah kerja2 korekan jalan &amp; harap diambil perhatian juga. Terima kasih Telefon: 0192348093 Nama Pengadu: azwan ashari Lokasi (Alamat Penuh): Jalan AU3/1 berhadapan bengkel KP Legend &amp; berdekatan Malaysia Transformer JKP: Zon2 Submitted 1 minggu 3 hari ago by aashari. Khamis, 15 March, 2018 - 09:54 Pengarang: aashari View the full image Jabatan Induk: Kejuruteraan</p>	26.03.2018	28.03.2018	SELESAI	<p>Potholes mendapan bekas pengalihan SYABAS. Pembaikan telah dibuat pada 27/3/18 oleh kontraktor JPP, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd.</p> <p>akibat tampalan korekan paip</p>

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
4	107688	Jalan berlubang dari Jalan Melati Indah 1 hingga ke pintu masuk Pangsapuri Pesona Villa. Jalan yang menaiki bukit serta berliku mempunyai beberapa lubang di tengah jalan sehingga ke pondok pengawal Pesona Villa. Mohon untuk memperbaiki keadaan jalan tersebut dengan segera kerana risiko kemalangan yang tinggi di kawasan tersebut	19.03.2018	20.03.2018	SELESAI	Semakan mendapati terdapat bekas korekan Telekom Malaysia. Tampala telah dibuat pada 20/3/18 oleh kontraktor Telekom Malaysia.
5	107617	Jalan berlubang di Jalan AU3/1 ke arah jelatek, berhadapan KP Legend workshop. Pagi semalam, keadaan ini hampir menyebabkan kemalangan apabila motor mengelak di saat akhir hampir dilanggar kereta. Harap dibaiki segera. Sepanjang Jalan AU3/1 berhadapan bengkel2 juga mengalami banyak kerosakan sesudah kerja2 korekan jalan & harap diambil perhatian juga. Terima kasih	15.03.2018	20.03.2018	SELESAI	Semakan mendapati terdapat kerja korekan kontraktor JPP, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd. Kerja penampalan telah dilaksanakan oleh Puncak Niaga Cobstruction Sdn Bhd

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
6	107536	<b>KERJA KOREKAN MENYEBABKAN LONGKANG TERSUMBAT</b> Kerja-kerja korekan SYABAS di jalan utama menyebabkan longkang di Jln P3, Taman Melawati tersumbat	12.03.2018	20.03.2018	SELESAI	Semakan mendapati longkang berada dalam kedaan memuaskan dan pembersihan dilaksanakan dengan kerap. Pengadu gagal dihubungi pada 21/3/18 jam 10.15 pg.
7	107490	<b>JALAN ROSAK DI JLN L5, TMN MELAWATI</b>	08.03.2018	09.03.2018	SELESAI	Semakan pada 9/3/18 mendapati terdapat kerja-kerja korekan jalan oleh kontraktor JPP, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd. Pihak kontraktor memaklumkan kerja pembaikan akan dilaksanakan dengan segera. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Pengurus Zon En. Bukhari 019-8228687 (Puncak Niaga) atau wakil JPP Pn. Azlin 012-6569787.

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
8	107465	Kerosakan jalan raya seperti tampilan tidak rata, jalan berlubang, dan bonggol yang tidak sempurna di jalan bawah selenggaraan MPAJ di sepanjang Jalan L 5 dan Jalan Melati Indah 1 menghala ke Kemensah Villa dan Pesona Villa. Kerosakan jalan tersebut dikhawatir akan menjadi lebih teruk sekiranya tidak diatasi dengan segera dan mungkin menyebabkan kerosakan kepada kenderaan persendirian. Mohon tindakan segera oleh pihak MPAJ untuk menurap semula jalan tersebut untuk menjamin keselesaan pengguna jalan raya di bawah seliaan MPAJ.	07.03.2018	09.03.2018	SELESAI	Semakan pada 9/3/18 mendapati terdapat kerja-kerja korekan JPP di Jln L5 oleh Puncak Niaga Construction Sdn Bhd dan di Jln Melati Indah 1 oleh TM. Kerja pembaikan akan dilaksanakan segera di Jln L5. Wakil JPP (Pn Azlin 012-6569787) Wakil PNCSB (En. Bukhari 019-8228687). Jln Melati Indah 1 kerja pembaikan oleh Telekom Malaysia akan dibuat dalam masa 10 hari. wakil TM En. Ramasamy 013-3366519.
9	107998	<b>LAMPU JALAN TIDAK MENYALA</b> Ingin melaporkan lampu jalan yang tidak menyala pada waktu malam sepanjang Jalan Melati Indah 1 bermula Apartment Desaku 2 sehingga ke Pangsapuri Pesona Villa. Keadaan ini telah menyebabkan kawasan sekitar gelap gelita dan membahayakan kepada pengguna jalan raya tersebut. Mohon pihak MPAJ supaya dapat datang memeriksa setiap lampu sepanjang jalan tersebut. Sekian, terima kasih.	17.04.2018	17.04.2018	SELESAI	Kerja-kerja pembaikan telah diselesaikan pada 18/4/18.

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
10	108033	<p><b>LAMPU JALAN ROSAK</b></p> <p>Lampu jalan rosak di Jln L5 dan Jln Melati Indah 1, Taman Saujana Melawati</p>	17.04.2018	17.04.2018	SELESAI	Kerja-kerja pembaikan telah diselesaikan pada 18/4/18.
11	108037	<p><b>LAMPU JALAN DI SEPANJANG LALUAN JALAN MELATI INDAH 1 TIDAK BERNYALA</b></p> <p>Lampu jalan di sepanjang laluan Jalan Melati Indah 1 tidak bernyala bermula daripada laluan masuk berhampiran kawasan permainan kanak-kanak sehingga ke kawasan kolam IWK Jalan Palma Utama. Nombor rujukan untuk tiang lampu yang berkenaan tidak kelihatan. Mohon kerjasama pihak MPAJ memperbaiki lampu tersebut dengan kadar segera. Terima kasih.</p>	17.04.2018	17.04.2018	SELESAI	Kerja-kerja pembaikan telah diselesaikan pada 18/4/18.

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
12	108044	<p><b>KEADAAN JALAN RAYA TIDAK RATA &amp; GARISAN PEMBAHAGI JALAN RAYA PUDAR</b></p> <p>Salam Sejahtera,  Didapati keadaan turapan jalan raya sepanjang Jalan AU3/1 tidak memuaskan terutama selepas kerja-kerja pembentungan di kawasan tersebut dijalankan. Terdapat banyak permukaan jalan raya yang tidak rata, berlubang dan berisiko menyebabkan kemalangan.</p> <p>Garis pembahagi jalan raya juga diperhatikan berada di dalam keadaan yang pudar dan tidak jelas sepanjang separuh Jalan AU 3/1.</p> <p>Sekian, Terima Kasih,</p>	17.04.2018	19.04.2018	SELESAI	Kerja-kerja penstabilan tanah untuk melancarkan kerja korekan pipe jacking sedang dilaksanakan. Kerja-kerja menurap (patching) akan dilaksanakan segera. Sebarang permasalahan lanjut boleh hubungi Pengurus Zon, En Khairil Annas 017-6475974.
13	108084	<p><b>LAMPU JALAN ROSAK</b></p> <p>Lampu jalan rosak di Jln L5 dan Jln Melati Indah 1, Taman Saujana Melawati</p>	17.04.2018	17.04.2018	SELESAI	Kerja-kerja pembaikan oleh PNCSB telah diselesaikan pada 18/4/18.

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
14	108229	<b>MASALAH JALAN TIDAK RATA DI LALUAN JALAN L5 MENUJU KE JALAN MELATI INDAH 1</b> Penduduk di Twin Palms Kemensah membuat aduan kepada pihak pengurusan berkenaan jalan utama ke perumahan Twin Palms Kemensah iaitu di Jalan L5 ke Jalan Melati Indah 1 tidak rata lebih daripada setahun. Diharap pihak MPAJ dapat membuat siasatan dan juga memperbaiki jalan terbabit dengan kadar segera. Terima kasih.	19.04.2018	20.04.2018	SELESAI	Aduan telah dipanjangkan ke pihak JPP untuk tindakan lanjut.
15	108479	Masalah lalulintas di Jln AU2B, Taman Seri Keramat	07.05.2018	10.05.2018	SELESAI	Kerja-kerja korekan telah selesai dan kontena telah dialihkan.
16	108509	<b>JALAN ROSAK</b> Jalan rosak di Jln L5, Taman Kemensah Height dan kawasan berhampiran Masjid Al-Iman	08.05.2018	11.05.2018	SELESAI	Pembaikan telah dilaksanakan pd 22/5/18
17	108623	<b>JALAN RETAK, KOTOR DAN BERPASIR</b> jalan kotor, retak dan berpasir telah menyebabkan kecederaan seorang lelaki ketika menaiki motosikal di kawasan berkenaan. Dipercuryai disebabkan projek PNCSB.	21.05.2018	21.05.2018	SELESAI	Aduan ini telah dipanjangkan pada kontraktor Puncak Niaga Construction Sdn Bhd. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Pengurus Zon En. Adam 019-2068489.

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
18	108769	<p><b>JENIS ADUAN- JALAN ROSAK</b></p> <p>Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.</p> <p>Tuan/Puan :</p> <p>Pekara: Permohonan Menurap Jalan di Jalan Taman Melawati</p> <p>Jalan Taman Melawati sudah lama rosak, minta tolong dari pihak MPAJ untuk menurap jalan</p>	28.05.2018	28.05.2018	SELESAI	Arahan pembaikan jalan telah dikeluarkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentongan (JPP)
19	108801	<p><b>ADUAN GARIS PEMBAHAGI JALAN RAYA &amp; BAHU JALAN PUDAR SERTA KEADAAN TURAPAN JALAN TIDAK MEMUASKAN (JALAN TAMAN MELAWATI)</b></p> <p>Salam Sejahtera MPAJ,</p> <p>Dimaklumkan bahawa garisan putih dan penunjuk arah permukaan jalan raya pudar dan tidak kelihatan di Jalan Taman Melawati, Taman Melawati. Garisan di simpang dan lampu isyarat juga telah pudar dan tidak kelihatan. Ini menyukarkan dan mengelirukan pengguna jalan raya di kawasan taman ini.</p> <p>Disamping itu, diperhatikan keadaan turapan jalan raya juga berlubang, tidak rata dan beralun amat membahayakan pengguna jalan raya tersebut. Mohon tindakan selanjutnya oleh pihak MPAJ untuk memeriksa keadaan jalan lain disekitar kawasan ini dan melakukan penyelenggaraan untuk keselesaan dan keselamatan bersama.</p>	30.05.2018	30.05.2018	SELESAI	Arahan pembaikan jalan telah dikeluarkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
20	EMAIL	Kerosakan Jalan L5, Kemensah Height akibat kerja korekan.	18.05.2018	19.05.2018	SELESAI	Aduan telah dipanjangkan ke pihak JPP untuk tindakan lanjut.
21	109575	<b>JALAN ROSAK</b> Pengadu memaklumkan jalan Enggang, Taman Keramat sangat berbonggol, berlopak dan tidak rata akibat kerja-kerja kontraktor Puncak Niaga tidak menyelenggara semula jalan tersebut. Mohon tindakan dari pihak MPAJ.	13.07.2018	18.07.2018	SELESAI	Kerja-kerja penyenggaraan telah dilaksanakan pd 21/7/18. Sebarang masalah boleh hubungi En Razal 012-2512158

BIL	NO ADUAN	PERKARA	TARIKH TERIMA ADUAN	TARIKH MAKLUM BALAS	STATUS	CATATAN
22	EMAIL	<p>Assalam dan salam sejahtera Tuan/Puan,</p> <p>Saya Safwan Idris salah seorang penduduk dan pengguna jalan raya di Taman Melawati Fasa 6. Saya mempunyai beberapa persoalan sekiranya soalan saya dibawah bidang kuasa MPAJ.</p> <p>1. Saya dapati, kerja-kerja mengorek/membuat pembentungan di sepanjang Jalan Taman Melawati dan Jalan Taman Melawati 6 sedang dijalankan, boleh saya tahu jangka masa untuk siap kerja-kerja tersebut?</p> <p>2. Di sepanjang Jalan Taman Melawati dan Jalan Taman Melawati 6 juga, jalan tersebut menjadi semakin teruk kerana sering kali dilalui kenderaan berat ataupun jalan tersebut ditampal tidak dengan betul sehingga jalan menjadi berbonggol dan berlubang yang boleh mengakibatkan kenderaan menjadi cepat rosak.</p> <p>Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima tasih kepada pihak Tuan/Puan diatas kesudian Tuan/Puan untuk mengambil tindakan keatas kerisauan saya ini.</p> <p>Terima Kasih.</p> <p>Yang Benar, Safwan</p>	09.07.2018	09.07.2018	Selesai	Maklumbalas status kerja korekan JPP diberikan pada 09.07.2018.

**OPERASI PEMANTAUAN BERSEPADU BERSAMA JABATAN PENGUATKUASA**

**DUN HULU KELANG**

**23.04.2018**

BIL	LOKASI	TINDAKAN	CATATAN	TARIKH
1.	JALAN AWAN DAN JALAN BINTANG, KAMPUNG KUALA AMPANG, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/13C/17)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
2.	JALAN TAMAN MELAWATI, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/2C/17)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
3.	JALAN MELAWATI 1, JALAN C2, JALAN C10, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/3C/17)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
4.	JALAN L1, JALAN L5, KEMENSAH HEIGHT, JALAN MELAWATI 6, JALAN TAMAN MELAWATI, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/33C/17)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018

5.	PERSIARAN PERMATA, JALAN PERMATA 22, TAMAN PERMATA, JALAN AU5C/1 DAN LEMBAH KERAMAT, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/16C/17)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
6.	JALAN AU5, JALAN AU3/1 (LOJI RAWATAN KUMBAHAN), TAMAN KERAMAT, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/31C/16)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
7.	JALAN ENGGANG (DARI SIMPANG JALAN AU 2A/8) KE JALAN AU 3/1 (LOJI IWK JALAN AU 3/16), JALAN AU3/1, JALAN AU3/6, JALAN AU3/12, JALAN 5/56, DAN PANGSAPURI PKNS AU3, TAMAN KERAMAT, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/29C/16)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
8.	JALAN AU 2C/1, JALAN AU 2B, JALAN AU 2A, JALAN ENGGANG TIMUR 4, JALAN ENGGANG TIMUR 5, JALAN ENGGANG TIMUR 41, JALAN ENGGANG TIMUR 1, LORONG ENGGANG 4, DAN JALAN AU 1B/1, TAMAN KERAMAT, HULU KELANG SELANGOR DARUL EHSAN. (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/35C/16)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018
9.	JALAN ENGGANG, TAMAN KERAMAT, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN. (DARI SIMPANG AU 2A/8 KE JALAN JELATEK) (MPAJ.KEJ.PPU.720-6/22C/16)	KOMPAUN SEKSYEN 70A(9), AKTA 133 PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN. BHD.	GAGAL PATUHI ARAHAN BERTARIKH 11.04.2018	23.04.2018

**RINGKASAN DENDA KETIDAKPATUHAN 2018**

BIL	TAJUK/NO. FAIL	PEMAJU/ PEMILIK	JUMLAH DENDA (RM)	TARIKH DENDA
1.	Permohonan permit korekan jalan di Jalan Bunga Anggerik, Dataran Ukay, Jalan Embun, Jalan Kabus, Dan Jalan Bintang, Kampung Kuala Ampang, Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.  Pakej d44: pembinaan rangkaian paip pembetungan di Bunus, Kuala Lumpur (reka & bina)	Jab. Perkhidmatan pembetungan, KETHHA	2,000.00	28.02.2018
2.	Permohonan permit korekan jalan di Jalan Enggang (dari simpang Jalan Au 2a/8) Ke Jalan Au 3/1 (Loji IWK Jalan Au 3/16), Jalan Au3/1, Jalan Au3/6, Jalan Au3/12, Jalan 5/56, Dan Pangsapuri Pkns Au3, Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.  Pakej d44 : pembinaan rangkaian paip pembetungan di Bunus, Kuala Lumpur (reka & bina)	Jab. Perkhidmatan pembetungan, KETHHA	1,000.00	28.02.2018
<b>JUMLAH</b>			<b>3,000.00</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : MEMAJUKAN BAZAR DARUL EHSAN DI KG KANCHONG DARAT**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan Bazar Darul Ehsan di Kampung Kanchong Darat? Bangunan ini telah menjadi sarang penagih dadah kerana tidak digunakan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah mempertimbang dan meluluskan permohonan HIJRAH Selangor untuk menguruskan Bangunan Darul Ehsan (BDE) Kuala Langat. HIJRAH Selangor telah merangka perancangan yang komprehensif bagi tujuan pembangunan usahawan. Berikut merupakan perincian program yang telah dirancang untuk dilaksanakan:

**1. Bahagian Dalam Bangunan BDE**

Berdasarkan lawatan pihak KOHIJRAH, bahagian dalam bangunan yang mempunyai berkeluasan anggaran 890 x 110 kaki persegi. Berikut adalah cadangan perancangan perniagaan di dalam bangunan IKS, antaranya :

- (a) Menyewakan lot kedai kepada usahawan yang berminat;
- (b) Menyediakan perkhidmatan Pos Laju (ejen) yang diuruskan oleh KOHIJRAH untuk memudahkan orang ramai dan juga usahawan online menggunakan perkhidmatan tersebut; dan
- (c) Menyediakan pusat latihan dan pembangunan usahawan atau “One stop Centre” untuk mendapatkan informasi Program-program di bawah Smart Selangor.

**2. Bahagian Parkir**

- (a) Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi swasta untuk mewujudkan pasar segar/pasar tani pada hujung minggu ;
- (b) Mewujudkan Medan Selera pada waktu malam (gerai tetap) – mencipta satu identiti baru kawasan medan selera yang menawarkan menu ikan bakar atau Seafood dan Masakan Panas;
- (c) Car Booth Sale/ Pasar Karat untuk penggalakan penyertaan usahawan muda mencebur diri dalam bidang perniagaan; dan

- (d) Mewujudkan Bazaar Ramadhan.

### **3. Kemudahan Program/Latihan**

- (a) Usahawan berpeluang untuk mendapatkan kemudahan program dan latihan melalui penyediaan Penggunaan Teknologi dan Komunikasi (ICT) untuk usahawan HIJRAH Selangor bagi mengembangkan dan mentransformasi perniagaan mereka dengan lebih efektif dengan penggunaan teknologi terkini melalui ICT.
- (b) Penyediaan Program latihan usahawan ini turut dibantu oleh konsultan-konsultan yang dipilih oleh Yayasan HIJRAH Selangor yang membawa kepada manfaat seperti menjimatkan masa, mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti produk usahawan seperti kursus penjenamaan produk, kaedah pemasaran atau talian *Facebook advertisement (FB ads)*, rekabentuk menggunakan perisian *Ai* atau *Adobe Photoshop*, penghasilan laman web perniagaan dan sebagainya.
- (c) Rancangan kemudahan rakaman produk atau demonstrasi produk (produksi) untuk memudahkan penghasilan video bagi tujuan dipromosikan produk perniagaan usahawan.

Namun demikian, bagi merealisasikan perancangan tersebut, HIJRAH Selangor akan memulakan pembaikan bangunan bermula tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : RANCANGAN MENGATASI BANJIR DI MERU**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah 'plan' Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir secara holistik, komprehensif dan tuntas di Meru?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membaik semula sistem perparitan yg tidak teratur dan tidak sistematik akibat dari sistem perancangan bandar yang tidak teratur di Meru?

**JAWAPAN:**

- a) Kawasan Meru merupakan kawasan tadahan kepada dua sungai utama iaitu Sungai Binjai dan Sungai Kapar Kecil. Bagi mengurangkan risiko banjir dan seterusnya meminimakan kejadian banjir di Pekan Meru, maka sistem Sungai Binjai dan Sungai Kapar Kechil dinaiktaraf melalui tiga projek yang giat dilaksanakan sepetimana di bawah:
  - i. Projek Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil dimana komponen projek ini melibatkan pelebaran Sungai Kapar Kecil, pemasangan pam, penggalian sungai dan menaiktaraf halangan-halangan terhadap aliran sungai. Kos kontrak adalah sebanyak RM 14.4 juta dan tarikh siap asal adalah pada 4 September 2018. Namun begitu, projek ini dijangka memerlukan Extension of Time (EOT) kerana terdapat permasalahan di tapak yang melibatkan rizab jalan JKR dan juga pembinaan West Coast Expressway (WCE).
  - ii. Projek Tebatan Banjir Hamzah Alang Pakej 2 dimana komponen projek ini melibatkan pelebaran Sungai Binjai, menaiktaraf halangan-halangan terhadap aliran sungai dan pengorekkan sungai. Kos kontrak adalah sebanyak RM15.2 juta dan projek dijangka siap pada 17 November 2018.
  - iii. Projek Menaiktaraf Saliran Pekan Meru dimana komponen projek ini ialah menaiktaraf saliran, pengorekkan parit dalaman dan menaiktaraf halangan-halangan terhadap aliran sungai atau saliran. Kos kontrak adalah sebanyak RM9.8 juta dan projek dijangka siap pada 23 Julai 2019.

Apabila ketiga-tiga projek ini siap sepenuhnya, dijangkakan risiko banjir di Pekan Meru dapat dikurangkan secara drastik. Namun, penyelenggaraan sistem perparitan dalaman yang efisien merupakan faktor penting dalam memastikan Pekan Meru tidak dilanda banjir kilat.

Pada masa hadapan, satu kajian sistem saliran di Pekan Meru hendaklah dilaksanakan bagi menambahbaik sistem saliran di Pekan Meru untuk mencegah banjir.

- b) Sepertimana dinyatakan di atas, setelah kajian induk sistem saliran Pekan Meru dijalankan, hasil kajian ini akan mengenalpasti sistem saliran di Pekan Meru yang perlu dibina atau dinaiktaraf dan ini akan menjadi panduan agensi kerajaan yang berkaitan untuk memohon peruntukan dan seterusnya melaksanakan kerja pembinaan atau menaiktaraf sistem perparitan di Pekan Meru. Kajian induk ini akan dipohon untuk pelaksanaan dalam RMK-12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MENAIK TARAF PAIP AIR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menaik taraf paip air yang selalu pecah di jalan utama Selayang Baru?

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor telah mengenalpasti 84 lokasi Hotspots bagi pelaksanaan program penggantian paip dibawah program tahun 2016 sehingga 2019 melibatkan paip sepanjang 425.7 km dengan kos sebanyak RM374.3 juta. Program penggantian paip ini adalah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu berdasarkan kedudukan [“ranking”] kekerapan paip pecah.

Selayang Baru berada pada ranking 43 dan telah disenaraikan didalam lokasi Program Penggantian Paip 2018 berdasarkan kedudukannya di dalam “ranking” Air Selangor. Kekerapan paip pecah bagi Selayang Baru adalah 67 kali pecah bagi tempoh dari Januari 2014 sehingga Disember 2017.

Penggantian paip-paip air di Selayang Baru adalah melibatkan beberapa jalan yang telah dikenalpasti kritikal, termasuklah Jalan Besar Selayang Baru. Jumlah panjang paip yang akan diganti adalah sepanjang 9,640 meter dengan kos sebanyak RM6.6 juta. Kontraktor bagi kerja-kerja penggantian paip-paip lama bagi kawasan ini telahpun dilantik melalui proses tender terbuka. Kerja-kerja tapak dijangka bermula pada bulan Oktober 2018 dan akan siap pada Julai 2019.

Taklimat berkaitan program kerja penggantian paip lama di Selayang Baru telahpun diberikan kepada penduduk dan wakil-wakil penduduk yang terlibat pada 14 Ogos 2018, yang mana ianya turut dihadiri oleh Y.B. ADUN Taman Templer.